

313 tanah runtuh berlaku sepanjang Monsun Timur Laut



Kesan tanah runtuh selepas hujan lebat berdekatan Empangan Hidro di Stesen Janakuasa Kenyir Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Jenagor. FOTO ARKIB NSTP

Kuala Lumpur: Sebanyak 313 kejadian tanah runtuh dilaporkan berlaku di seluruh negara sepanjang Monsun Timur Laut sehingga kelmarin. Menurut Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Kuala Lumpur merekodkan kejadian tanah runtuh tertinggi dengan 115 kes dilaporkan.

Katanya, ia diikuti Selangor dengan 70 kes, Pahang (43 kes), Negeri Sembilan (28 kes), Sabah (23 kes), Sarawak (16 kes), Terengganu (13 kes) manakala masing-masing satu kes bagi Melaka, Johor dan Perak. "Kejadian tanah runtuh dilaporkan membabitkan lokasi cerun, jalan, taman perumahan dan rizab hutan.

"Malah satu runtuhan juga direkodkan di kuari di daerah Kinta sehingga menyebabkan ada mangsa terperangkap," katanya. Laporan itu juga memaklumkan tindakan awal diambil di kawasan terjejas antaranya memasang kanvas dan penghadang bagi mengurangkan kes runtuhan. Selain itu, pemilik tanah persendirian juga diminta mengosongkan tapak dan rumah yang terjejas.

Katanya, bagi runtuhan berhampiran kawasan perumahan, penduduk diarahkan berpindah buat sementara waktu bagi membolehkan kerja pembaikan dijalankan seperti di Batu Caves dan Shah Alam. Menurutnya, JMG sentiasa memberikan nasihat teknikal bagi mengurangkan risiko runtuhan susulan.

[Ekhwan Haque Fazlul Haque](mailto:ekhwan@hmetro.com.my)
ekhwan@hmetro.com.my